



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA SIASAT KELEWATAN PEMBAYARAN GAJI OLEH SEBUAH UNIVERSITI SWASTA DI IBU NEGARA

1. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menerima beberapa aduan berhubung kelewatan pembayaran gaji kepada kakitangan oleh sebuah universiti swasta di ibu negara. Pihak JTKSM melalui Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Cyberjaya telah bertindak melakukan siasatan dan mendapati aduan adalah berasas.
2. Pihak pengurusan universiti mengakui mereka kini berdepan dengan krisis kewangan yang menyebabkan kelewatan bayaran gaji pada bulan April dan Mei, melibatkan 93 pekerja dengan gaji RM4800 ke atas. Daripada jumlah tersebut, 86 adalah tenaga kerja tempatan dan 7 adalah tenaga kerja asing. Beberapa pekerja juga telah berhenti kerja tanpa meninggalkan maklumat lengkap, menyukarkan pihak universiti menguruskan isu ini dengan cepat.
3. Pegawai penyiasat telah mengeluarkan saman hadir kepada pengurusan universiti untuk hadir ke PTK Cyberjaya bagi memberikan keterangan lebih lanjut dan mengemukakan dokumen-dokumen lengkap. Manakala bagi pihak pekerja yang mengadu, mereka turut diminta hadir ke PTK sama untuk memfailkan kes buruh dan tuntutan yang selayaknya.
4. PTK Cyberjaya akan membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 19 Akta Kerja 1955 iaitu kesalahan kelewatan bayaran gaji dan juga menasihati pekerja untuk memfailkan kes buruh di bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955 yang membabitkan tuntutan terhadap majikan berkaitan baki gaji, gaji ganti notis, bayaran gaji kerja lebih masa, bayaran faedah-faedah penamatan perkhidmatan dan faedah-faedah lain.

5. JTKSM melalui PTK Cyberjaya akan mengendalikan kes ini selaras dengan peruntukan perundangan perburuhan terpakai di bawah bidang kuasa JTKSM tanpa sebarang kompromi, serta akan memastikan hak-hak pekerja dilindungi dan majikan mematuhi undang-undang berkaitan pembayaran gaji. Pihak JTKSM juga akan mengambil langkah-langkah tegas untuk menyelesaikan isu ini dengan segera dan memastikan bahawa kejadian seperti ini tidak berulang lagi pada masa hadapan.

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
7 JUN 2024